



ALICE ALIM

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing: Kajian Kes Pelajar China di Universiti Malaysia Sabah

RINGKASAN: Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia, malahan sebagai bahasa pengantar utama bagi masyarakat di negara ini. Walaupun begitu, Bahasa Melayu berstatus bahasa asing bagi golongan penutur bukan warganegara. Perkara yang dimaksudkan adalah Bahasa Melayu sebagai bahasa asing bagi individu luar negara, khususnya di luar kawasan Asia Tenggara, yang datang belajar atau bekerja dan menetap di Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam bidang pengajaran dan pembelajaran timbul beberapa masalah, seperti sebutan, tata-bahasa, dan sintaksis semasa mempelajari sesuatu bahasa. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis dan membincangkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar antarabangsa yang tengah belajar di UMS (Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Walau bagaimanapun, analisis hanya akan tertumpu kepada kesilapan sebutan. Kesilapan jenis lain tidak akan dibincangkan. Kajian ini menganalisis sebutan 39 orang pelajar antarabangsa dari negara China. Sebutan ini diambil daripada ujian membaca yang mereka jalani dalam kursus Bahasa Melayu Asas Tahap II, yang ditawarkan oleh PPIB (Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa) di UMS Kota Kinabalu, Sabah Malaysia. Kesimpulan yang dapat dibuat melalui kajian ini adalah terdapat banyak kesilapan sebutan yang berlaku dalam kalangan pelajar China. Kebanyakan kesilapan ini berlaku apabila mereka membaca perkataan Bahasa Melayu dengan sebutan Bahasa Inggeris dalam pembentangan mereka.

KATA KUNCI: Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing; Pelajar Antarabangsa China; Sebutan; Pengajaran Bahasa Asing; Kemahiran Bertutur.

ABSTRACT: "Malay Language as a Foreign Language: Case Study on Chinese Students in Malaysia University of Sabah". In Malaysia, Malay language is the national language, and it is used as the intermediate language among the citizens. However, this language is considered as a foreign language for non-citizens. It means that Malay language is a foreign language for overseas individuals, especially from outside of Southeast Asia, who came for educational, work, and stay permanently purposes in Malaysia. It is undeniable that there will be difficulties in terms of pronunciation, grammar, and syntax of the language during the teaching and learning of the intended language. Thus, this study aims to analyse and to discuss the errors made by foreign students who study in UMS (Malaysia University of Sabah) in Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. However, this analysis will only be focusing on mispronunciation of the students. Other errors will not be discussed. This study analysed 39 foreign students from China. These pronunciations are taken from their reading test in Malay Language Level II course, that be offered by PPIB (Center for the Promotion of Knowledge and Language Learning) at UMS Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. This study found that these foreign students made numerous pronunciation errors. Most of these errors occurred when they read Malay language words with the pronunciation of English language during their presentations.

KEY WORD: Malay Language as a Foreign Language; Chinese Foreign Students; Pronunciation; Teaching of Foreign Language; Speaking Skills.

About the Author: Alice Alim ialah Pensyarah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS (Universiti Malaysia Sabah), Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus melalui emel di: ecile@ums.edu.my

How to cite this article? Alim, Alice. (2015). "Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing: Kajian Kes Pelajar China di Universiti Malaysia Sabah" in ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Vol.5(2) Desember, pp.157-168. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2088-1290.

Chronicle of the article: Accepted (November 25, 2015); Revised (December 15, 2015); and Published (December 30, 2015).

PENDAHULUAN

P&P BM (Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu), sebagai bahasa asing, secara umumnya dapat dikategorikan kepada dua situasi yang berbeza. Situasi yang pertama, proses P&P BM berlaku di negara penutur asli Bahasa Melayu, seperti Malaysia, Brunei Darussalam, dan Indonesia; dan situasi kedua pula adalah proses P&P yang berlaku di negara-negara selain negara yang telah dinyatakan tadi. Kedua-dua situasi ini memerlukan pendekatan proses P&P yang berbeza (Mansor, 2004; Thai, 2009; Baharudin, 2014; Nasir & Hamzah, 2014; dan Rahman *et al.*, 2014). Oleh itu, hasil P&P yang dicapai juga berbeza.

Status BM sebagai bahasa komunikasi atau bahasa pengantar di Malaysia tidak dapat dinafikan lagi. Adanya “Perkara 152” yang menyatakan kedudukan BM sebagai bahasa kebangsaan, sememangnya tidak dapat digugat kedudukannya (Sew, 2013). Namun begitu, pada masa kini, walaupun kedudukan bahasa ini tetap kekal sebagai bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Negara, tetapi hakikatnya bahasa ini dilihat bersaing dengan BI (Bahasa Inggeris) dalam memainkan peranannya sebagai bahasa komunikasi. Hal ini kerana, BI juga menjadi satu bahasa yang penting dalam komunikasi di negara kita pada masa kini. Menurut Zulkifley Hamid (2006), sebagai berikut:

Apabila seseorang pelajar bahasa mempelajari BM sebagai bahasa asing, dia tentu sekali telah menguasai satu atau lebih bahasa. Dalam dunia masa kini yang didominasi oleh BI atau apa yang disebut sebagai hegemoni BI, besar kemungkinan BM sebagai bahasa asing bukan untuk tujuan pengupayaan berkomunikasi di peringkat global (Hamid, 2006:174).

Oleh sebab itu, berdasarkan kepada pernyataan Zulkifley Hamid (2006) mengenai status pembelajaran BM (Bahasa Melayu) sebagai bahasa asing, kajian ini diharapkan akan dapat memberikan suatu gambaran yang konkrit mengenai keadaan pembelajaran BM sebagai bahasa asing di UMS (Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

LATAR BELAKANG PENGAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kursus BM (Bahasa Melayu) ditawarkan di PPIB UMS (Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Kursus ini ditawarkan dalam dua semester, iaitu BM Asas Tahap Satu (I) pada semester pertama; dan BM Asas Tahap Dua (II) pada semester kedua. Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar antarabangsa, yang melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana Muda di universiti ini. Majoriti pelajar adalah datang dari negara China. Walaupun begitu, terdapat juga pelajar yang datang dari negara sekitar Malaysia, iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, dan Myanmar; dan dari negara lain seperti Korea, Jepun, Tanzania, German, dan Kepulauan Fiji. Kursus ini pada asalnya diajar selama dua jam bagi setiap kelas, iaitu dua kali dalam seminggu. Namun begitu, beberapa perubahan berlaku menyebabkan kelas BM pada ketika ini dikurangkan menjadi sekali seminggu, dengan tiga jam pengajaran setiap kelas.

Para pelajar yang mengambil kursus ini diwajibkan untuk lulus pada tahap Satu (I), sekurang-kurangnya mendapat gred D (35-39 peratus) sebelum meneruskan pengajian ke tahap kedua. Walau bagaimanapun, kursus asas ini hanya ditawarkan kepada pelajar antarabangsa yang bukan datang dari negara penutur BM, seperti Brunei Darussalam dan Indonesia. Hal ini kerana, pelajar dari negara Brunei Darussalam dan Indonesia mengambil kursus BM pada tahap lanjutan, iaitu BM Lanjutan Satu (I) dan Dua (II). Jadual 1 adalah peratusan gred pemarkahan bagi kursus-kursus yang diajar di UMS.

Selain daripada BM (Bahasa Melayu), terdapat beberapa bahasa asing seperti Bahasa Sepanyol, Perancis, Jepun, dan Korea juga diajar di PPIB UMS (Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Walaupun begitu, kesemua kursus ini diambil oleh pelajar tempatan (warganegara). Kesemua kursus bahasa asing ini merupakan kursus wajib yang harus diselesaikan oleh seseorang pelajar bagi menamatkan pengajian dan dianugerahkan ijazah Sarjana Muda.

Jadual 1:
Gred Peratusan Peperiksaan

Gred	Peratusan	Nilai Gred	Catatan
A	80-100	4	CEMERLANG
A-	75-79	3.67	
B+	70-74	3.33	KEPUJIAN
B	65-69	3	
B-	60-64	2.67	
C+	55-59	2.33	LULUS
C	50-54	2	
C-	45-49	1.67	
D+	40-44	1.33	
D	35-39	1	
E	0-34	0	

Sinopsis Kursus BM (Bahasa Melayu) Asas Tahap II. Kursus tahap ini ditawarkan adalah untuk memperteguh kemahiran dalam tata-bahasa. Pelajar akan didedahkan dengan golongan perkataan, frasa, dan ayat mudah serta ayat kompleks dalam BM. Pelajar juga akan diajar mengenal pasti dan mengkategorikan golongan kata dan frasa berdasarkan penggunaan yang betul dan tersusun. Kursus ini memberikan penekanan kepada aspek-aspek imbuhan. Pelajar juga akan didedahkan dengan pembentukan ayat mudah dan kompleks, penggunaan subjek dan predikat dalam ayat, dan ayat aktif dan pasif serta songsang. Berdasarkan pengetahuan-pengetahuan tersebut, pelajar dapat mengamalkan penggunaan yang betul, selain melakukan analisis.

Pada akhir kursus, pelajar diharapkan mencapai objektif kursus, iaitu: (1) Mengetahui golongan perkataan dan frasa; (2) Membentuk golongan perkataan dan frasa; (3) Menggunakan imbuhan dengan betul; (4) Membina ayat mudah dan kompleks; (5) Mengetahui subjek dan predikat dalam ayat; (6) Mengetahui ayat aktif, pasif dan songsang; (7) Membina ayat aktif, pasif dan songsang; (8) Menganalisis kesilapan ayat; dan (9) Menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan kreatif (Husin, 1999; dan Haji Ikhsan & Ahmad, 2014).

Kurikulum Kursus. Isi kandungan kursus yang diajar mengikut minggu adalah seperti nampak dalam jadual 2.

Objektif Kajian. Kajian ini dijalankan untuk melihat aspek yang berikut: (1) Mengetahui pasti

kesilapan sebutan yang dilakukan oleh pelajar antarabangsa, yang mengambil kursus BM atau Bahasa Melayu yang ditawarkan di UMS atau Universiti Malaysia Sabah; dan (2) Menganalisis peratusan kesilapan sebutan yang dilakukan oleh pelajar dalam aktiviti pembentangan dalam kelas.

KAEDAH KAJIAN

Responden. Kajian ini hanya mengambil para pelajar antarabangsa yang datang dari negara China. Walaupun terdapat beberapa orang pelajar yang datang dari negara lain, seperti Tanzania, Jepun, Maldives, dan Korea, tetapi para pelajar berkenaan tidak dikaji dalam penyelidikan ini. Seramai 39 orang diambil sebagai responden kajian. Para pelajar ini adalah pelajar kursus BM (Bahasa Melayu) Asas Tahap Dua (II) di UMS (Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Malaysia.

Data Kajian. Data kajian diperoleh semasa para pelajar membentangkan sebuah karangan pendek, lebih-kurang seratus patah perkataan dalam kelas mengikut jadual yang telah disediakan. Tajuk karangan pembentangan ini adalah terbuka. Mereka boleh memilih, sama ada untuk membentangkan mengenai diri sendiri ataupun cerita-cerita pendek, contohnya cerita dongeng yang sedia ada.

Oleh itu, hanya sebutan yang akan dianalisis dan bukannya perbandingan aspek tata-bahasa dalam karangan. Data yang diambil ini adalah relevan, kerana para pelajar telah diberikan masa yang cukup, iaitu beberapa minggu sebelum membentangkan. Oleh itu pula, mereka

Jadual 2:
Isi Kandungan Pengajaran Mingguan

Topik	Isi Kandungan
1	Kata Nama dan Kata Kerja
2	Kata Sifat dan Kata Sendi
3	Kata Tugas
4	Frasa Nama
5	Frasa Kerja
6	Frasa Adjektif
7	Frasa Sendi
8	Struktur Asas Frasa
9	Subjek dan Predikat
10	Pembinaan Ayat Aktif dan Ayat Pasif
11	Struktur Ayat Kompleks
12	Analisis Kesilapan

mempunyai masa untuk berlatih membaca.

Analisis Data. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melibatkan sebarang proses analisis fonologi, tetapi hanya bersifat analisis umum (Cruse, 2000; O’Grady & Cho, 2001; dan Rickerson, 2011). Dapatan data hanya dianalisis mengikut kiraan peratusan bagi setiap kategori (Ibrahim, 2010).

DAPATAN KAJIAN

Dalam menganalisis data-data kajian telah dibincangkan pada awal penulisan bahawa analisis data dibahagikan kepada dua, iaitu: (1) Analisis kesilapan sebutan yang dilakukan oleh pelajar; dan (2) Peratusan jenis kesilapan yang terhasil semasa para pelajar membaca esei yang mereka sediakan.

Analisis Kesilapan Sebutan. Sebanyak 230 patah perkataan telah dianalisis dari segi sebutan para pelajar antarabangsa ini. Jumlah ini adalah berdasarkan kiraan perkataan yang mempunyai kelainan sebutan. Bagi perkataan berulang, iaitu perkataan yang disebut lebih daripada sekali, kiraan perkataan tetap dikira satu perkataan. Daripada jumlah analisis yang telah dijalankan, sebutan ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu:

Pertama, Kesilapan Sebutan Hadapan. Jenis kesilapan ini, iaitu kesilapan sebutan hadapan, bermaksud bahawa pelajar melakukan perubahan huruf pangkal perkataan semasa proses pembacaan dilakukan. Sebanyak 16 patah perkataan dapat dikategorikan dalam jenis ini. Berikut adalah perkataan yang dihasilkan oleh pelajar.

Tulisan	Sebutan
arnab	ranab
berbeza	pebeza
cantik	kantik
cari	kari
ceria	seria
cerita	serita
contoh	kantah
cuaca	kuca
cuaca	kuasa
cuba	kuba
cuma	kuma

Tulisan	Sebutan
dengan	tengan
genetik	kenetik
raksasa	kesasa
untuk	antuk
variasi	warisa

Sebagai contoh, perkataan “arnab” sepatutnya disebut “arnab” oleh pelajar terbabit, tetapi kesilapan berlaku apabila pelajar menyebut “ranab” bagi perkataan ini. Begitu juga dengan perkataan “cuaca” yang disebut “kuasa”. Kesimpulannya, dalam keategori ini, pelajar didapati sering membuat kesilapan pada perkataan, seperti berikut:

Sebutan “cantik” menjadi “kantik”.
Huruf “c” berubah menjadi “k”.

Sebutan “berbeza” menjadi “pebeza”.
Huruf “b” berubah menjadi “p”.

Sebutan “dengan” menjadi “tengan”.
Huruf “d” berubah menjadi “t”.

Sebutan “genetik” menjadi “kinetik”.
Huruf “g” berubah menjadi “k”.

Sebutan “variasi” menjadi “warisa”.
Huruf “v” berubah menjadi “w”.

Kedua, Kesilapan Sebutan Tengah.

Kategori kesilapan ini pula menjumlahkan bahawa sebanyak 120 patah perkataan termasuk dalam kategori kesilapan dalam sebutan tengah perkataan. Maksudnya adalah bahawa perubahan berlaku ditengah-tengah perkataan; dan perubahan ini tidak mempengaruhi perubahan di hadapan dan belakang perkataan. Berikut adalah perkataan-perkataan yang mengalami perubahan di tengah perkataan.

Tulisan	Sebutan
antaranya	antarinya
begitu	bejitu
beliau	bilau
bercakap	berkakap
bergembira	begambira
berhibur	behabu
berkomunikasi	berkakasi
bermimpi	berimimpi
bersama	birsama
berumput	berumpat
berumur	beramur
burung	barong
dari	dira
daripada	darapada
dibina	dibaina
digunakan	diganakan
dilihat	dilihet
dipelajari	dipejalari
dusun	dasun
emak	emik
gunung	gurung
hari	haia
helang	hilang
hidup	hidap
hingga	haingga
hitam	hatam
hitam	haitam
hujan	hujen
hutan	huntan
ingin	inggin
indah	indan
itu	into
jadual	jadal
jam	jem
jenis	jis

Tulisan	Sebutan
kampung	kampang
kakitangan	kakitang
kampung	kampun
kapur	kepar
kata	kita
kata	keta

kaum	kum
kecil	kesil
kegemaran	kejemaran
kegunaan	kegunaan
kek	kak
kerana	kerina
kerana	kirana
keras	kari
lagi	laji
lembut	lebu
macam	makam
mahu	muhu
malah	mahan
malah	malan
melakukan	melakakan
melalui	malalui
melawat	melaut
meletakkan	mentatak
melihat	milaha
membuat	membat
membuka	membaka
mencapai	menkapai
mencuri	menkuri
mendapatkan	mendapatkan
mengapa	menjapa
mengekalkan	mengkalahan
menggunakan	mengganakan
menghargai	menghagi
menghubungkan	menghubungkan
menjadi	majadi
menonton	menoton
menyakitkan	mayakitkan
mereka	makam
merupakan	meripakan
muatan	matan
muka	maku
murah	muru
naik	nik
nampak	nampok
negara	nengra

Tulisan	Sebutan
pedalaman	pidalaman
pelancongan	pelankongan
pemalas	pemlas
pemburu	pemuru
pemerhatian	pemerhatan
pemikiran	sendira
pencemaran	pensimaran
penduduknya	penduduknan
penganjuran	penganjurin
penuh	pani
perempuan	perempun
pergi	pirgi
pokok	pok
rambutan	ramtan
rambutan	rabut
ringan	riang
sarang	serang
seakan	sesakan
seekor	sekor
seekor	seiko

sehingga	sehagi
sejuk	sujuk
sekelasnya	sekelasanya
selepas	silipas
sepuluh	sipuluh
sesuatu	sesutu
setiap	setihap
sungguh	singguh
tangan	tengan
sumber	samber
terdapat	terdipat
terus	teris
tetapi	tetap
tetapi	tentapi
tetapi	titapi
tiap-tiap	tipa-tipa
turun	tuwan
tidak	tindak
turun	turan

Bagi kategori ini, berikut adalah beberapa contoh perkataan yang berubah menjadi silap apabila dibaca oleh pelajar:

Sebutan “antaranya” menjadi “antarinya”.
Huruf “a” berubah menjadi “i”.

Sebutan “begitu” menjadi “bejitu”.
Huruf “g” berubah menjadi “j”.

Sebutan “dusun” menjadi “dasun”.
Huruf “u” menjadi “a”.

Sebutan “hidup” menjadi “hidap”.
Huruf “u” menjadi “a”.

Sebutan “jenis” menjadi “jis”.
Perkataan menjadi pendek dengan penghilangan perkataan “en”.

Sebutan “macam” menjadi “makan”.
Huruf “c” menjadi “k”.

Sebutan “menonton” menjadi “menoton”.
Huruf “n” dalam “non” dihilangkan.

Sebutan “pencemaran” menjadi “pensimaran”.
Huruf “c” menjadi “s”.

Sebutan “seekor” menjadi “sekor”.
Perkataan “se-ekor” dipendekkan menjadi “e”.

Sebutan “setiap” menjadi “setihap”.
Huruf “h” ditambah.

Ketiga, Kesilapan Sebutan Belakang.
Kategori yang ketiga pula ialah kesilapan pelajar membaca, sehingga terjadinya perubahan pada akhir perkataan. Dalam kategori ini, sebanyak 90 patah perkataan


didapati mengalami perubahan pada akhir perkataan. Contoh berikut merupakan senarai patah perkataan yang mengalami perubahan, iaitu kesilapan pelajar semasa proses pembacaan berlaku.

Tulisan	Sebutan
adalah	adalaha
adalah	adalan
adalah	adal
atau	ato
awak	awaka
bahagia	bahagian
baik	baki
baik	belak
bangau	bawu
bangau	bangu
banyak	bayak
baru	bari
bawah	bawaha
beg	bega
beliau	belia
beliau	belua
berair	beria
berilmu	berilm
bermain	bermin
buah	buah
buah	baha
buah	bahu
berbeza	beboza
berdoalah	berdolah
berwibawa	berwibaw
bola	boleh
buah-buahan	bahan-bahan
bunga	banga
bunga	bungga
dah	daha
dahi	dih
dalam	dalama
dia	di
duduk	duku
fosil	fosi
halaman	halama
Tulisan	Sebutan
kamu	kamum
kedai	keda
lurus	luru
masa	masi
mat	mati
mempunyai	mempunya
mengambil	mengambeli
negara	negari
pelbagai	pelbaga
pelbagai	pelbagan
peluh	pelua
pada	padu
pensyarah	pensyara
puluh	plus
puluh	plas
pihak	pikan

ramai	rama
ramai	rami
rumah	rumaha
sampai	saipai
sangat	sanga
sangat	sangka
sangat	sangi
sebagai	sebaga
sebagai	sebagi
sebaik-baiknya	sebaki-bakinya
sebuah	sebuaha
sebuah	sabu
sebuah	sebulan
sebuah	seburah
sebuah	sebu
sebuah	sibuah
secara	sekara
sedikit	sediki
sekolah	sekolan
selain	selai
semasa	semas
semua	semu
sendiri	sehiga
setiap	setapa
siku	seko
stadium	stadim
sudah	sdadh
suka	suku
suka	sukan
sungai	sugai
sungguh	sunggha
tembikai	tembika
tembok	temboka
tidak	tidaka
tinggal	tinggan
tinggi	tingga
udara	udaran
ulama	ulam

Daripada 91 patah perkataan yang dikategorikan dalam kategori ini, berikut adalah contoh perkataan yang dapat menunjukkan kesilapan pelajar semasa membaca.

- Perkataan “adalah” menjadi “adalaha”:
Tambahan huruf “a”.
- Perkataan “pensyarah” menjadi “pensyaraha”:
Tambahan huruf “a”.
- Perkataan “bahagia” menjadi “bahagian”:
Tambahan huruf “n”.
- Perkataan “udara” menjadi “udaran”:
Tambahan huruf “n”.
- Perkataan “dia” menjadi “di”:
Penghilangan huruf “a”.
- Perkataan “semua” menjadi “semu”:
Penghilangan huruf “a”.



Carta 1:
Peratus Perbandingan Kesilapan Pelajar

- Perkataan “duduk” menjadi “duku”.
- Perkataan “kedai” menjadi “keda”:
Penghilangan huruf “i”.
- Perkataan “sebagai” menjadi “sebaga”.
- Perkataan “fossil” menjadi “fosi”:
Penghilangan huruf “l”.
- Perkataan “negara” menjadi “negari”:
Penggantian huruf “a” kepada “i”.
- Perkataan “tinggi” menjadi “tingga”:
Penggantian huruf “a” kepada “i”.
- Perkataan “sebuah” menjadi “sebulan”:
Penggantian huruf “h” kepada “n”.
- Perkataan “puluh” menjadi “plus”.
- Perkataan “tinggal” menjadi “tinggan”:
Penggantian huruf “l” kepada “n”.

Analisis Peratus Kesilapan. Berdasarkan kepada jumlah keseluruhan, iaitu 225 patah perkataan, carta 1 adalah perbezaan peratus kesilapan yang dilakukan oleh pelajar.

Melalui carta 1 didapati bahawa kesilapan terbanyak dilakukan dalam kategori sebutan tengah sebanyak 53 peratus, diikuti dengan sebutan belakang sebanyak 40 peratus. Kedua-dua kategori ini membawa jumlah sebanyak 123 dan 91 patah perkataan. Jumlah yang terkecil pula adalah dalam kategori sebutan hadapan, iaitu sebanyak 16 patah perkataan ataupun

mewakili sebanyak tujuh peratus daripada jumlah keseluruhan.

Berikut adalah senarai perkataan mengikut abjad, yang mana antara Perkataan dan Sebutan menjadi berbeza:

----A----

Perkataan

adalah
adalah
adalah
antaranya
arnab
atau
awak

Sebutan

adalaha
adalan
adal
antarinya
ranab
ato
awaka

----B----

Perkataan

bahagia
baik
baik
bangau
bangau
banyak
baru
bawah
beg
begitu
beliau
beliau
beliau
berair
berbeza
berbeza
bercakap
berdoalah
bergembira
berhibur
berilmu
berkomunikasi
bermain
bermimpi
bersama
berumput
berumur
berwibawa
bola
boleh
buah
buah
buah
buah-buahan
bunga
bunga
burung

Sebutan

bahagian
baki
belak
bawu
bangu
bayak
bari
bawaha
bega
bejitu
belia
belua
bilau
beria
pebeza
beboza
berkakap
berdolah
begambira
behabu
berilm
berkakasi
bermin
berimimpi
birsama
berumpat
beramur
berwibaw
boleh
boleh
buaha
baha
bahu
bahan-bahan
banga
bungga
barong

----C----

Perkataan

cantik
cari
ceria

Sebutan

kantik
kari
seria

cerita
contoh
cuaca
cuaca
cuba
Cuma

serita
kantah
kuca
kuasa
kuba
kuma

----D----

Perkataan

dah
dahi
dalam
dari
daripada
dengan
dia
dibina
digunakan
dilihat
dipelajari
duduk
dusun

Sebutan

daha
dihi
dalama
dira
darapada
tengan
di
dibaina
diganakan
dilihet
dipejalari
duku
dasun

----E----

Perkataan

emak

Sebutan

emik

----F----

Perkataan

fosil

Sebutan

fosi

----G----

Perkataan

genetik
gunung

Sebutan

kenetik
gurung

----H----

Perkataan

halaman
hari
helang
hidup
hingga
hitam
hitam
hujan
hutan

Sebutan

halama
haia
hilang
hidap
haingga
hatam
haitam
hujen
huntan

----I----

Perkataan

indah
ingin
itu

Sebutan

indan
inggin
into

----J----

Perkataan

jadual
jam
jenis

Sebutan

jadal
jem
jis

----K----

Perkataan

kakitangan

Sebutan

kakitang

semua	semu
sendiri	sehiga
sepuluh	sipuluh
sesuatu	sesutu
setiap	setihap
setiap	setapa
siku	seko
stadium	stadim
sudah	sdadh
suka	suku
suka	sukan
sumber	samber
sungai	sugai
sungguh	sungghah
sungguh	singghah

----T----

Perkataan

tangan
tembikai
tembok
terdapat
terus
tetapi
tetapi
tetapi
tiap-tiap
tidak
tidak
tinggal
tinggi
turun
turun

Sebutan

tengan
tembika
temboka
terdapat
teris
tetap
tentapi
titapi
tipa-tipa
tidaka
tindak
tinggan
tingga
tuwan
turan

----U----

Perkataan

udara
ulama
untuk

Sebutan

udaran
ulam
antuk

----V----

Perkataan

Variasi

Sebutan

waris

Perbincangan. Penyelidikan ini hanyalah kajian ringkas, yang hanya melibatkan seramai 39 orang pelajar antarabangsa China yang datang ke UMS (Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Malaysia untuk melanjutkan pengajian mereka. Oleh sebab itu, kajian ini tidak mewakili pelajar antarabangsa yang datang dari negara lain. Hal ini kerana setiap pelajar mempunyai kebolehan dan keistimewaan masing-masing (Abd Rahim & Abd Rahim, 2015).

Walaupun kesilapan sebutan berlaku, namun kesilapan ini adalah tanda dan bukti bahawa pelajar tersebut sedang mempelajari bahasa, dalam konteks ini BM (Bahasa Melayu). Menurut Pit S. Corder (1973), dalam

proses memperoleh bahasa kedua, dalam kes ini adalah bahasa asing, pelbagai kesilapan boleh berlaku oleh semua penutur (Corder, 1973). Oleh itu, kesilapan ini dinyatakan oleh Pit S. Corder sebagai satu bukti yang dapat menunjukkan bahawa proses pembelajaran sedang berlaku. Selain itu, Pit S. Corder turut menyatakan bahawa kesilapan terhasil dalam proses pemerolehan bahasa (cf Corder, 1973; Raju, 2010; Abu Bakar, 2013; Abd Rahman & Abdul Jabar, 2014; Seong, 2014; Tarasat & Daud, 2014; dan Zakaria & Abdullah, 2014).

KESIMPULAN

Didapati bahawa semasa pembelajaran dalam kelas diadakan, para pelajar tidak menumpukan tumpuan sepenuhnya. Begitu juga apabila kerja kursus diberikan, mereka hanya akan mengulangkaji beberapa minit sebelum penilaian dijalankan. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat menyebut sesuatu perkataan yang dirasakan sukar bagi mereka.

Walaupun mereka telah diberikan beberapa minggu untuk bersedia, tetapi sebahagian besar pelajar tidak menggunakan peluang itu dengan baik. Selain daripada itu, majoriti pelajar China ini sebenarnya tidak memahami maksud perkataan ataupun bacaan mereka sendiri. Mereka hanya menghafal sesuatu perkataan itu tanpa mengetahui erti bagi perkataan tersebut.

Sesungguhnya, walaupun usaha untuk mengajar BM (Bahasa Melayu) sebagai bahasa asing di UMS (Universiti Malaysia Sabah) Kota Kinabalu, Malaysia dilakukan dengan bersungguh-sungguh, namun sekiranya para pelajar tidak meminati bahasa ini tidak dapat dipupuk dengan baik, maka usaha ini akan menjadi sia-sia sahaja.¹

Referensi

Abd Rahim, Noor Asliza & Normaliza Abd Rahim. (2015). "Strategi Komunikasi Lisan secara Formal dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan" dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134 [15 Mei], ms.382-388. Tersedia secara online juga di:

¹**Kenyataan:** Saya, dengan ini, membuat kenyataan bahawa kertas kerja ini adalah karya akademik saya persendirian. Ianya bukan dapatan plagiat, memandangkan semua sumber yang dipetik dalam kertas kerja ini diletak secara penuh dalam Seranai Rujukan atau Referensi. Kertas kerja ini pula belum dihantar, belum diedit-semak, dan belum diterbitkan oleh jurnal akademik mana-mana negara.

- <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S187704281403170X> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 15 Oktober 2015].
- Abd Rahman, Mohd Zuhir bin & Mohd Azidan bin Abdul Jabar. (2014). "Pengaruh Budaya Tempatan dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah" dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134 [15 Mei], ms.373-381. Tersedia secara online juga di: <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031693> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 15 Oktober 2015].
- Abu Bakar, Siti Saniah. (2013). "Kekangan Pelajar Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu" dalam *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 [Mei], ms.52-62. Tersedia secara online juga di: <http://www.ukm.my/jpbm/pdf/52-60%20%20Saniah.UPSI.pdf> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 29 Mei 2015].
- Baharudin, Mazlina. (2014). "Pemerolehan dan Penguasaan Berbahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing di Universiti Sains Malaysia" dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134 [15 Mei], ms.270-275. Tersedia secara online juga di: <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031589> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 15 Oktober 2015].
- Corder, Pit S. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. London: Penguin Books, Ltd.
- Cruse, Alan. (2000). *Meaning in Language: An Introduction to Semantics and Pragmatics*. London and New York: Oxford University Press.
- Haji Ikhsan, Siti Ajar & Safiah Ahmad. (2014). "Kontrak Sosial dalam Pengajaran dan Pembelajaran Lisan: Tinjauan terhadap Perspektif Pelajar" dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134 [15 Mei], ms.276-282. Tersedia secara online juga di: <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031590> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 29 Mei 2015].
- Hamid, Zulkifley. (2006). *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Husin, Kamarudin. (1999). *Pengajaran Lisan: Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Ibrahim, Mohd Yusri. (2010). *Analisis Data Penyelidikan untuk Pendidikan & Sains Sosial*. Kuantan, Malaysia: Bandar Ilmu. Tersedia secara online juga di: http://www.academia.edu/17416233/Buku_Analisis_Data_dr_yusri_1 [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 15 Oktober 2015].
- Mansor, Marzalina. (2004). "Stail Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing di Kalangan Pelajar Luar Negara". *Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan*. Serdang: UPM [Universiti Putra Malaysia].
- Nasir, Zaliza Mohamada & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). "Sikap dan Motivasi Pelajar terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu" dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134 [15 Mei], ms.408-415. Tersedia secara online di: <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031735> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 15 Oktober 2015].
- O'Grady, William & Sook Whan Cho. (2001). "First Language Acquisition" dalam *Contemporary Linguistics: An Introduction*. Boston: Bedford St. Martin's, fourth edition.
- Rahman, Sri Kartika et al. (2014). "Kesan Bahan Visual dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu" dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134, ms.454-462. Tersedia secara online juga di: <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031784> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 15 Oktober 2015].
- Raju, Arulselvan. (2010). "Pengajaran Bahasa Tamil Asas kepada Pelajar Bukan India (*Non-native speakers*) di Universiti Malaysia Sabah: Satu Kajian Kesilapan Kata Nama Khas dan Kata Kerja (*Verb*) dalam Pembinaan Ayat" dalam *Jurnal MANU*, Bil.16. Kota Kinabalu: Penerbit UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Rickerson, E.M. (2011). "What's the Difference between Dialect and Language?" dalam *The Five Minute Linguist*. Published by College of Charleston.
- Seong, Goh Sang. (2014). "Kaedah Penterjemahan Kata Sendi Bahasa Cina – Bahasa Melayu" dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134 [15 Mei], ms.246-248. Tersedia secara online juga di: <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031553> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 15 Oktober 2015].
- Sew, Jyh Wee. (2013). "Ke Arah Penilaian, Perkembangan, dan Pemupukan Bahasa Melayu Supranasional" dalam *Kajian Malaysia*, Vol.31, No.2. Kota Kinabalu: Penerbit USM [Universiti Sains Malaysia].
- Tarasat, Suraya & Aisah Daud. (2014). "Kesan Penggunaan Perisian Asas Membaca terhadap Pencapaian Membaca Murid Peringkat Pra-Sekolah" dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134 [15 Mei], ms.399-407. Tersedia secara online juga di: <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031723> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 15 Oktober 2015].
- Thai, Soon Chiow. (2009). "Pembentukan Leksis Pinjaman Bahasa Cina dalam Surat Khabar" dalam *Jurnal MANU*, Bil.15. Kota Kinabalu: Penerbit UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Zakaria, Khuzaiton binti & Thana Abdullah. (2014). "Mengajar Bahasa Melayu kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan". *Kertas Kerja Tidak Diterbitkan*.

ALICE ALIM,

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing



Jabatan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

(Sumber: <http://irresistible89.blogspot.co.id>, 15/10/2015)

Kursus BM (Bahasa Melayu) ditawarkan di PPIB UMS (Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Kursus ini ditawarkan dalam dua semester, iaitu BM Asas Tahap Satu (I) pada semester pertama; dan BM Asas Tahap Dua (II) pada semester kedua. Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar antarabangsa, yang melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana Muda di universiti ini. Majoriti pelajar adalah datang dari negara China.